

# ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

## IBNU BATTUTAH

Pengembara Islam Yang Masyhur

(3)

Dalam makalah penutup ini, kita sajikan sedikit tentang kitab riwayat pengembaraan Ibnu Battutah yang bernama “Tuhfat al-Nazār” yang telah disalin ke dalam berbagai-bagai bahasa Eropah kerana bahan-bahannya yang berharga – P.Q.

Dengan mengecualikan beberapa hikayat ganjil yang menyebabkan dia dituduh berlebih-lebihan, maka laporan Ibnu Battutah baik mengenai sejarah, alam bumi, mahu pun keadaan pergaulan dan penyelidikannya yang lebih luas, adalah suatu hasil yang sangat berharga tentang sejarah dan alam bumi benua Asia.

Lain daripada itu, banyak pula cerita-cerita yang menarik mengenai dirinya, umpamanya bagaimana ia berkahwin beberapa kali dalam perjalanan itu hingga mendapat beberapa orang anak, dan bagaimana pula pengembaraan itu memaksanya bercerai dengan anak isteri yang diserahkan kepada nasib dan tiada diketahui bagaimana akhir kesudahannya begitu pula tentang kesukaannya kepada makanan yang sedap dan buah-buahan yang lazat. Dan juga bagaimana kuat kemahuannya bagi melanjutkan pelayarannya dari sebuah bandar ke sebuah bandar dan dari sebuah negeri ke sebuah negeri, berapa banyak pula hadiah-hadiah yang diterimanya daripada raja-raja dan orang-orang besarnya.

Pernah pula satu ketika ia menarik salah seorang raja India membayar hutangnya yang agak besar, dengan jalan hanya memujinya dalam satu syair yang indah, bagaimana ia gemar menyelidiki adat-adat ganjil penduduk negeri yang dilawatinya, seperti upacara-upacara agama berhala, bagaimana mereka bergabung dan bagaimana cara perkahwinan mereka, begitu juga tentang akal tipu daya ahli-ahli sihir dan fakir-fakir (ahli-ahli pertapaan) di India. Demikian pula tentang kecutan ia pada suatu hari melihat seseorang ahli sihir memotong seorang lelaki menjadi empat bahagian kemudian mempertautkan kembali hingga tiba-tiba ia hidup lagi. Kejadian yang demikian tentulah tidak termasuk barang mustahil, kerana banyak ahli-ahli silap mata zaman sekarang yang dapat melakukannya dan dipertunjukkan kepada ramai.

Selain daripada itu, di dalam buku catatannya itu, terdapat pula lembaran-lembaran yang berharga mengenai sejarah dan gambaran-gambaran hidup tentang alam penghidupan pada amnya.

Akhir hayat dan buah tangannya

Ibnu Battutah menghabiskan akhir umurnya dengan penghidupan yang aman tenteram, setelah menggemparkan masyarakat zamannya dengan cerita-cerita pengalamannya dalam pengembaraan.

Ia telah wafat pada tahun 775H (1374M) dalam usia lebih daripada 70 tahun.

Riwayat pengembaraannya direncanakannya kepada sahabat karibnya "Ibnu al-Jauzi" seorang ulama yang terkenal di Andalusia (Sepanyol) jadi bukan ditulis dengan tangannya sendiri.

Ibnu al-Jauzi ini menjadi rakan sejawat bagi Ibnu Battutah, kerana keduanya memegang jawatan kerajaan dalam kerajaan "Bani Maryan". Kitab pengembaraan itu bernama "*Tuhfat al-Nazār fī Gharāib al-Maṣār wa 'Aja'ib al-Asfar*" (Bahan-bahan yang berharga bagi penyelidik-penyelidik tentang perkara-perkara ganjil yang terdapat dalam berbagai-bagai negeri dan perkara-perkara ajaib yang terdapat dalam pelayaran).

Kitab pengembaraan Ibnu Battutah telah dimulakan menyusunnya di bandar Fez (Morocco) pada tahun 756H dengan perintah Sultan Abu 'Anan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan tadi kitab "*Tuhfat al-Nazār*" ini hanya direncanakan oleh Ibn Battutah kepada sahabatnya Ibnu al-Jauzi dan Ibnu al-Jauzi yang menuliskannya menurut lenggok karangannya sendiri. Dalam pada itu, Ibnu al-Jauzi, dalam banyak hal menuliskan bulat-bulat perkataan Ibnu Battutah.

Ibnu al-Jauzi telah mengenalkan Ibnu Battutah kepada pembaca kitab yang berharga itu dengan berkata.

Ibnu Battutah seorang "ulama besar, ahli pengembara

yang dipercayai, penjelajah dunia, yang meletakkan negeri-negeri dari segala jurusan, dilahirkan kerana mengembara ..."

Walau bagaimanapun, jiwa Ibnu Battutah, gaya karangannya yang indah dan keahliannya dalam menghidangkan, jelas tertumpah dalam semua tulisan Ibnu al-Jauzi.

Demikianlah kisah pengembaraan yang terkenal itu dapat dibukukan dengan sempurna. yang menampakkan Ibnu Battutah pengembara Muslin itu pada kedudukan yang tinggi di antara pengembara-pengembara besar yang pernah timbul dimuka bumi.

Penyelidik-penyelidik yang datang kemudian daripada zamannya telah sedarkan nilai kitab Ibnu Battutah ini, lalu disalin ke dalam Bahasa Inggeris dan disiarkan di Eropah.

Kira-kira pertengahan kurun yang kesembilan belas, dua orang orientalis Perancis: ..... dan ....

telah menerbitkan kisah pengembaraan Ibnu Battuta ini di Paris dalam bahasa Perancis, setebal 4 jilid (1859-1853).

Buku itu telah dicetak berkali-kali di Mesir dan diterjemahkan pula ke bahasa Inggeris oleh .... (orientalis Inggeris).

Sementara itu, orientalis Jerman: .... telah menerjemahkan fasal-fasal tentang India dan negeri China ke dalam bahasa Jerman. Demikian pula fasal-fasal lainnya telah diterjemahkan orang ke dalam bahasa-bahasa asing.

Sebenarnya kitab "*Tuhfat al-Nazār*" itu mengandungi bahan-bahan sejarah dan ilmu bumi yang berharga diantara buku-buku bermutu yang lain, yang telah dihasilkan oleh zaman pertengahan.

Demikian madmun karangan Tuan "Tamat Jaya" dalam "Abadi".